

# 25 pelajar China di UMS menerusi program pertukaran pelajar

UB 28.8.2018 B1

Oleh JOHN TAMBANAN

SERAMAI 25 pelajar kejuruteraan dari Wuyi University di Bandaraya Jiangmen, China tiba di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menjalankan pengurusan projek dan kursus Bahasa Inggeris.

Ia merupakan program pertukaran pelajar hasil surat niat (LoI) yang telah ditandatangani antara Wuyi University dan UMS, disaksikan oleh Konsul Jeneral Republik Rakyat China di Kota Kinabalu Liang Caide pada Oktober tahun lalu.

Pada 24 Jun tahun ini, UMS telah menghantar kumpulan pertama lapan pelajar kejuruteraan ke Wuyi University untuk kursus latihan selama dua bulan mengenai pengurusan dan penyelenggaraan kereta api berkelajuan tinggi.



**ISMAIL** dan Susan (tengah) bergambar kenangan bersama pelajar dari Universiti Wuyi pada majlis makan malam itu.

Menurut Profesor Yang Baojian dan Profesor Yang Min dari Wuyi University, para pelajar China merasa terhormat dan gembira untuk mengambil bahagian dalam program pertukaran berkenaan.

Walaupun pembelajaran Bahasa Inggeris sama-sama diberi penekanan di Universiti Wuyi, ia akan menjadi pengalaman pertama pelajar dalam kelas Bahasa Inggeris

sebagai bahasa pengantar, kata mereka.

"Ini adalah satu pengalaman yang sangat berharga bagi para pelajar untuk tidak hanya mempelajari mengenai pengurusan projek di Sabah, tetapi juga untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam menyatakan idea dan pandangan mereka.

"Kami berharap program pertukaran ini akan

menjadi satu aktiviti jangka panjang," kata mereka.

Sementara itu, Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan UMS Dr Ismail Saad mengucapkan terima kasih kepada Presiden Persatuan Sze Yip Bersatu Datuk Susan Wong Siew Guen kerana telah memudahkan kerjasama antara Wuyi University dan UMS, dan akhirnya membolehkan pelajar dari kedua-dua

universiti mendapat manfaat daripada program pertukaran itu.

Beliau berkata, inisiatif itu juga mendedahkan reputasi UMS kepada ahli akademik di wilayah Guangdong.

Yang Baojian juga melahirkan penghargaan kepada Susan atas bantuan dan sokongannya untuk memudahkan program pertukaran pelajar.

"Sejak Datuk Susan



**WAKIL** mahasiswa dari Universiti Wuyi menyampaikan sejambak bunga kepada Susan sebagai tanda penghargaan.

dilantik sebagai pengarah Wuyi University, beliau telah aktif mempromosikan pertukaran antara kedua-dua universiti.

"Saya berharap beliau akan terus membantu pelajar dari Wuyi University ke UMS untuk

lawatan dan kursus," katanya.

Yang Baojian dan Yang Min serta para pelajar dari University Wuyi turut diraikan dalam majlis makan malam dianjurkan Susan di sebuah restoran terkemuka di ibu negeri.